

Nama: .....

No.Kad Pengenalan

Angka Giliran



**Perak EXcellent**

## MOCK TEST 2

1249/3

### SEJARAH

Kertas 3

Julai

3 jam

Tiga jam

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi **satu soalan** dan **kerangka jawapan**.
3. Jawapan hendaklah ditulis dalam bentuk **esei**.
4. Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan kerangka jawapan yang disediakan.
5. Markah yang diperuntukkan adalah ditunjukkan dalam kurungan. Calon dinasihatkan supaya menjadikan peruntukan markah tersebut sebagai panduan semasa menulis jawapan
6. Calon boleh merujuk daripada pelbagai sumber yang berkaitan semasa menjawab tugas
7. Calon dibenarkan membawa masuk buku teks, bahan bacaan ilmiah dan bahan bercetak yang berkaitan ke dalam dewan / bilik peperiksaan.
8. Calon **dilarang** membawa masuk peralatan elektronik ke dalam dewan /bilik peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
<b>Pengenalan</b>	1	5	
	2	30	
<b>Isi dan Huraian</b>	3	15	
	4	10	
	5	10	
	6	10	
	7	10	
<b>Rumusan</b>	8	5	
	9	5	
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>	

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak

[ 100 markah ]

*Jawab semua soalan*

TEMA 10 : Kemunculan dan Perkembangan Nasionalisme Sehingga Perang Dunia Kedua

TAJUK 10.1 : Kemunculan dan perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara

**Soalan Umum:**

Nasionalisme ialah gerakan kesedaran yang menumpukan perhatian bagi mempertahankan nasib bangsa dan negara serta untuk mencapai kebebasan dan kesejahteraan rakyat. Pada awal kurun ke-20, nasionalisme menjadi isu menonjol di Asia Tenggara seperti yang diperjuangkan tokoh-tokoh nasionalis berikut.

Negara	Tokoh
Filipina	Jose Rizal, Andres Bonifacio
Indonesia	Raden Adjeng Kartini, Sukarno
Burma	U Ba Pe, Aung San
IndoChina	Phan Boi Chau, Ho Chi Minh

**Soalan Khusus:**

Bincangkan Gerakan Nasionalisme di Asia Tenggara untuk menegakkan maruah bangsa dan kemerdekaan serta kaitannya dengan pembinaan bangsa Malaysia yang tinggi semangat patriotisme.

**Jawapan hendaklah berdasarkan aspek berikut:**

<b>FORMAT</b>	<b>PERINCIAN</b>	<b>MARKAH</b>
Pengenalan	1. Perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara pada umumnya dibahagi kepada dua tahap. Terangkan maksud nasionalisme.	5 markah
Isi dan Huraian	2. Gerakan Nasionalisme di Asia Tenggara dikaitkan dengan pembebasan negara daripada ancaman kuasa asing. Terangkan faktor – faktor yang telah mencetuskan gerakan nasionalisme berikut : i. Dasar Penjajahan Barat (10 markah) ii. Sistem Pendidikan (10 markah) iii. Karya Kesusasteraan (10 markah)	30 markah
	3. Huraikan ciri – ciri gerakan nasionalisme tahap pertama pertama dan tahap kedua secara umum di negara Asia Tenggara	15 markah
	4. Terangkan perjuangan gerakan nasionalisme di negara Asia Tenggara yang berikut : i. Filipina (5 markah) ii. Burma (5 markah)	10 markah
	5. Nasionalisme adalah rasa kebersamaan sebagai satu bangsa yang dapat membentuk semangat kebangsaan yang kukuh. Sebagai seorang warganegara yang patriotik, nyatakan rasa kebersamaan yang dimaksudkan.	10 markah
	6. Nasionalisme ditakrif sebagai perasaan mencintai bangsa dan negara serta kesanggupan mempertahankan tanah air. Buktikan semangat tersebut masih kukuh disemai di dalam diri pelajar sekolah di Malaysia.	10 markah
	7. Pada tahun ini, negara kita bakal mencapai usia 58 tahun kemerdekaan dan pihak kerajaan sentiasa melakukan pelbagai usaha bagi memupuk semangat nasionalisme di kalangan rakyat. Pada pendapat anda, apakah yang harus dilakukan oleh rakyat Malaysia sekiranya negara kita diserang oleh pihak musuh.	10 markah
	8. Iktibar yang diperolehi daripada tajuk yang dikaji.	5 markah
	9. Membuat kesimpulan keseluruhan isi yang telah dibincangkan : (a) Pengetahuan yang diperolehi (b) Nilai / unsur patriotisme berdasarkan tajuk. (c) Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan terbilang.	5 markah

**KERTAS SOALAN TAMAT**